

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Kerugian Turutan Kebakaran. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

## Insurans Kecurian

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini akan memberikan pampasan jika harta anda mengalami kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar premis menggunakan cara kekerasan dan keganasan.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi anda terhadap:-

a) kerugian mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan ketika dalam premis: -

- i) akibat kecurian dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar premis menggunakan cara kekerasan dan keganasan
- ii) berikutan serangan atau kekerasan atau ancaman kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan

b) Apa-apa kerosakan kepada harta yang diinsuranskan atau kepada premis akibat daripada kecurian atau sebarang percubaannya hendaklah terhad kepada 5% daripada Jumlah diinsuranskan.

Dengan bayaran premium tambahan, perlindungan polisi ini boleh diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril tambahan berikut: -

- Kecurian tanpa melibatkan masuk ke atau keluar dari tempat dengan cara kekerasan and keganasan
- Rompakan bersenjata or rompakan

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda ceburi, jenis barang diinsuranskan, nilai diinsuranskan (Nilai Penuh atau Berdasarkan Rugi Pertama), pemasangan jenis kelengkapan keselamatan atau langkah-langkah keselamatan yang dipasang dipremis anda.

**4. Apa kadar and caj yang saya perlu bayar?**

Sebagai tambahan kepada premium, anda kena bayar:

Jumlah

- a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada
- b. Duti Setem

0% daripada premium  
RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

**5. Apakah terma and syarat utama yang saya harus ketahui?**

- Kepentingan Pendedahan : Anda mestilah mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda, sebarang perubahan dalam pekerjaan di premis anda ,dan lain-lain.

Anda mesti memastikan yang boring cadangan siap dengan tepat kerana ia merupakan asas kepada kontrak insurans anda.

- Jumlah Yang Diinsuranskan : Anda harus memastikan yang harta anda adalah diinsuranskan pada jumlah yang sepatutnya.
- Dasar Insurans: Anda boleh memilih untuk menginsurans harta berdasarkan Nilai Penuh atau Rugi Pertama.

<p>a. Nilai Penuh – Dasar ini digunakan bila ada kemungkinan untuk semua harta dicuri pada masa yang sama. Nilai diinsuranskan merwakili nilai penuh harta anda yang diinsuransikan.</p> <p>b. Rugi Pertama: Dasar ini digunakan bila adalah tidak mungkin untuk semua harta anda dicuri pada masa yang sama. Anda perlu memilih jumlah yang mana pada pendapat anda mewakili potensi kerugian maxima yang boleh berlaku dalam satu kejadian.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kesan dari ketidakcukupan nilai diinsuranskan</b> - Jika nilai diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar harta (Untuk Dasar Nilai Penuh) atau nilai harta yang diistiharkan (Untuk Dasar Rugi Pertama) terdedah kepada risiko semasa berlakunya kerugian, anda telah dianggap kurang insurans dan kena menginsuranskannya sendiri perbezaannya. Syarat Purata akan dikenakan sekira berlakunya tuntutan.</li> <li>• <b>Lebihan</b> – Ia merupakan jumlah yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menggantikan kerugian anda.</li> <li>• <b>Waranti Premium</b> – Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.</li> <li>• Anda harus mengambil semua langkah-langkah pencegahan yang munasabah bagi mengelak insiden kecurian umpama harta benda anda tidak diinsuranskan.</li> </ul>
<p><b>6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?</b></p>
<p>Polisi ini tidak melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyusutan, atas sebab kerugian lanjutan, kehilangan pasaran dan kerugian yang ditemui semasa pemeriksaan stok</li> <li>• Kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh kebakaran atau letupan</li> <li>• Kerugian atau kerosakan yang dipercepatkan atau dalam apa cara pun disebabkan oleh atau pakatan sulit dengan Pihak Diinsuranskan, ahli keluarga Pihak Diinsuranskan, kakitangan perniagaan, orang gaji di rumah atau mana-mana orang yang berada di dalam premis secara sah.</li> <li>• Kerugian atau kerosakan yang berlaku ketika premis ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya untuk tempoh berterusan melebihi daripada 4 hari dan malam berturut-turut.</li> <li>• Peperangan, perang saudara</li> <li>• Sebarang tindakan keganasan</li> </ul> <p>Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian dibawah polisi ini.</p>
<p><b>7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?</b></p>
<p>Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami, Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.</p>
<p><b>8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?</b></p>
<p>Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.</p>
<p><b>9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?</b></p>
<p>Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.</p>
<p><b>10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?</b></p>
<p>Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen kepada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang dilantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.</p>

**11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kecurian ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di [www.mpigenerali.com](http://www.mpigenerali.com)

**MPI Generali Insurans Berhad**

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

**8th Floor, Menara Multi-Purpose**

**Capital Square**

**No. 8, Jalan Munshi Abdullah**

**50100 Kuala Lumpur**

**Tel: 03-2034 9888**

**Fax: 03-2694 5758**

**Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)**

**12. Lain-Lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?**

- Insurans Empunya Rumah/ Isi Rumah
- Insurans Wang
- Insurans Mesin and Jentera
- Insurans Jentera Berat

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECEUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DITEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK. ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA AND MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2018